

Kolej Sunway diiktiraf kendali kursus Java

SUN Microsystems Inc (Sun) melantik Kolej Sunway sebagai Pusat Pemerakuan Java (AJC) mengikut program Arahan Tambah Nilai (VIP) bagi membolehkan kolej itu mengendalikan kursus Java, merangkumi penerbitan web menggunakan HTML, Java Script, Java applet dan pengatur cara Java.

Melalui program VIP ini ia akan menyediakan penuntut kolej berkenaan untuk menduduki peperiksaan dan pengesahan daripada Program Sijil Java Sun dan Sijil Pembangunan Perisian Sun.

Kesemua program berkenaan akan disokong secara terus oleh perisian kursus dan perisian Sun Microsystems yang menjadi pengasas, pencipta dan pentadbir kepada kedua-dua sijil berkenaan.

Pengarah Pendidikan Sun Asia Pasifik dan Amerika Latin, Dennis Kwok, berkata matlamat pelan-

tikan itu bagi meneruskan usaha pemindahan kemahiran teknologi Java melalui perkongsian akademik dengan institusi pendidikan utama di rantau ini.

"AJC dan VIP adalah program elit, diberikan kepada organisasi terpilih selepas memenuhi kriteria piawaian sejagat yang Sun tetapkan berdasarkan sumber kepakaran teknikal, pengalaman pengajar dan tahap profesionalisme," katanya di Petaling Jaya, baru-baru ini.

Beliau berkata demikian selepas menandatangani perjanjian antara Sun dan Kolej Sunway yang diwakili pengarahnya, Lee Weng Keng.

Kwok berkata, penubuhan AJC selaras dengan matlamat memenuhi keperluan semasa dan akan datang bagi menyediakan tenaga kerja yang mahir dengan menulis perisian Java.

"Permintaan bagi sumber tenaga yang mempunyai pengalaman dalam Java dijangka mencecah 1.2 juta menjelang tahun 2000 yang mana ketika ini terdapat 700,000 pemaju Java di seluruh dunia," katanya.

Sementara itu, Lee berkata kursus Java akan ditawarkan dalam kurikulum utama seperti kursus diploma, diploma lanjutan dan ijazah dalam bidang teknologi maklumat (IT).

"Kurikulum sedang dimajukan untuk membekalkan penuntut kolej dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran berkaitan IT yang sesuai bagi menghadapi cabaran dalam industri apabila memasuki alam pekerjaan," katanya.

Menurutnya, penuntut yang berjaya menamatkan kursus akan dianugerahkan Sijil Kolej Sunway dan Pencapaian Java.



TAHNIH... Dennis Kwok (kiri) menyampaikan plak pelantikan Kolej Sunway sebagai AJC kepada Lee Weng Keng.

This material may be protected by the Malaysia Copyright Act. It may only be used for private study or research. Downloading or reproduction in excess of “fair dealing” may constitute copyright infringement.